

04/01/1999

Barat guna agensi penarafan sekat pemulihan ekonomi Asia

Kadir Dikoh

BAGAIKAN sudah jatuh ditimpa tangga. Itulah nasib kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia yang dilanda krisis kewangan apabila mereka dimiskinkan lagi oleh agensi penarafan antarabangsa. Tanpa diminta, agensi ini secara sewenang-wenangnya menurunkan gred penarafan bon kedaulatan negara sejak ia digawatkan lebih setahun lalu.

Penurunan penarafan kedaulatan Malaysia oleh agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's Investors Service (Moody's) dan Standard & Poor (S&P) misalnya, akan memeritkan sebarang usaha untuk memperolehi pinjaman asing serta menjual bon di pasaran antarabangsa.

Contohnya, jika sesebuah negara atau syarikat diturunkan penarafan sehingga gred junk atau gred bukan pelaburan, maka negara atau syarikat terbabit terpaksa membayar dengan kos tinggi apabila membuat pinjaman asing. Belum tentu bon terbitannya bagi memperolehi dana di pasaran antarabangsa akan dilanggan dan mungkin tidak laku terus.

Ini kerana gred junk membawa makna, tidak berbaloi untuk melabur di negara atau syarikat terbabit dan keupayaannya untuk membayar balik pinjaman dipersoalkan berdasarkan penilaian ini. Keyakinan pelabur akan hilang dan seterusnya akan turut menjejaskan pasaran saham yang nyata pergerakan indeks kompositnya rapuh kepada penarafan itu sendiri.

Penilaian terakhir S&P terhadap Malaysia ialah penurunan penarafan kedaulatannya daripada BBB+ (positif) kepada BBB- (negatif) September lalu. Ia menyusul selepas Moody's menurunkannya kepada BAA3 daripada BAA2. Dalam hal ini Moody's lebih positif berbanding S&P.

Lebih memeritkan lagi keadaan ialah kerana undang-undang Amerika Syarikat. Ini kerana peraturan di Amerika melarang pengurus dana mereka daripada membuat pegangan dalam bon yang tidak mendapat penarafan sebagai bertaraf pelaburan seperti yang termasuk dalam kategori bon spekulasi.

Antara kesan segera berikutan tindakan itu ialah pelupusan paksa pegangan pelbagai bon kerajaan oleh pengurus dana antarabangsa dari Amerika dan kita tahu mereka ini bertaburan di merata dunia termasuk Asia, dengan pegangan bon bernilai berbilion ringgit di pasaran antarabangsa.

Ini juga bermakna, kuasa besar pada bila-bila masa boleh memiskinkan sesebuah negara dalam sekelip mata jika ia berjaya mempengaruhi agensi penarafan untuk menurun 'paksa' gred kedaulatan bon sesebuah negara. Senjata ini boleh mereka gunakan untuk membunuh ekonomi sesebuah negara.

Jika ini berjaya dilakukan, pasaran saham negara terbabit akan turut menjunam, pengurus dana dan pelabur asing menjauhkan diri daripada menanam modal.

Sebaliknya, mereka akan muncul dengan niat untuk mengaut keuntungan segera dan mengambil kesempatan apabila berlaku fire sale (lelong) terhadap saham Asia seperti sejak beberapa bulan lalu.

Akhirnya, mereka yang mempunyai banyak modal itu memperolehi ekuiti dalam sesebuah syarikat tersenarai dan jika tanpa sekatan terhadap pemilikan ekuiti asing terutama dalam sektor perbankan dalam kes di Malaysia, kita khuatir akan sekali lagi dijajah - kali ini melalui ekonomi.

Dalam keadaan sekarang pun, banyak syarikat yang nilainya turun lebih separuh berbanding keadaan sebelum gawat. Seseengah nilai aset ketara bersihnya (NTA) jatuh ke paras 70 peratus.

Dalam keadaan kekeringan dana dalam sistem perbankan, tidak mudah bagi pelabur tempatan membuat pembelian ekuiti di pasaran. Malah, kemasukan

dana ke dalam sistem perbankan pula, tidak bermakna peminjam akan mudah meminjam kerana bank dikatakan masih mengambil sikap berhati-hati dan khuatir pinjaman tidak berbayarnya (NPL) akan terus meningkat.

Namun, kesediaan 12 bank asing yang beroperasi di negara ini memberi pinjaman bersindiket berjumlah AS\$1.35 bilion (RM5.13 bilion) kepada negara baru-baru ini pada kadar faedah rendah bagaikan menidak penurunan penarafan itu meskipun S&P dilaporkan tetap tidak berganjak daripada pendirian asal mengenai kedudukan penarafan itu dengan alasan pinjaman itu tidak membantu memulih ekonomi Malaysia. Jelas keyakinan institusi perbankan asing terhadap Malaysia serta keupayaannya membayar balik hutang. Ini muncul ketika ekonomi negara mula kelihatan pulih meskipun pertumbuhannya diunjurkan menguncup lebih enam peratus pada 1998 tetapi dijangka positif satu peratus menjelang akhir 1999.

Setiap bank terbabit menyumbang antara AS\$50 juta (RM190 juta) hingga AS\$200 juta (RM760 juta) dan ini sudah pasti mendapat keizinan ibu pejabat mereka di Barat. Ketua eksekutif beberapa bank asing terbabit menemui pihak Bank Negara Malaysia (Bank Negara) beberapa bulan lalu dengan meminta nasihat bagaimana mereka boleh membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

"Ini dilakukan secara sukarela dan jawapan pihak Bank Negara ialah adalah lebih baik bagi kami untuk berbuat demikian secara berkumpulan dan hasilnya kami bersetuju memberi pinjaman sebanyak AS\$1.35 bilion (RM5.13 bilion)," kata seorang ketua eksekutif sebuah bank asing terbabit sambil menolak sebarang unsur paksaan.

Sebenarnya, selama ini ramai pihak mempersoalkan kredibiliti agensi penarafan antarabangsa terutama Malaysia.

Kritikan berterusan Malaysia terhadap ketidakadilan penarafan oleh agensi penarafan kredit antarabangsa itu akhirnya menerima sokongan antarabangsa apabila pemimpin Apec mewakili 21 negara menggesa kajian dibuat terhadap kegiatan agensi terbabit seperti terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur, November lalu.

Sejak setahun lalu, saban minggu dan bulan, ada-ada saja syarikat, bank dan seterusnya negara diturunkan penarafan oleh agensi penarafan antarabangsa terutama yang lebih dikenali seperti S&P dan Moody's. Apakah mereka dibayar untuk berbuat demikian? Jika ya, siapa pula yang membayarnya?

Apakah matlamat sebenar mereka? Untuk mendapatkan kredibiliti atas kesengsaraan orang lain? Mereka umpama pengadil yang maha besar dan tertinggi kerana tiada siapa lagi akan mengadili mereka atau menurunkan penarafan syarikat itu sendiri yang kebanyakannya berpangkalan di negara berkuasa besar.

Namun, agensi penarafan ini gagal memberi petunjuk awal kepada sebarang mala petaka ekonomi. Mereka langsung {'tidak tahu' apabila tercetus kegawatan ekonomi serantau bermula Julai lalu tetapi kemudian bertubi-tubi menurunkan penarafan, satu reaksi yang dianggap melampau.

"Ini pasti menyebabkan penjualan besar-besaran bagi bon di Asia tetapi lebih parah bagi negara seperti Indonesia yang tidak lagi mampu meraih dana daripada pasaran," kata seorang penganalisis. Sentimen sebelum ini, menyaksikan bon Asia dinilai tinggi.

Julai lalu, rancangan Malaysia untuk mengumpulkan dana awal di luar negara sebanyak AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) bagi syarikat Pengurusan Danaharta Bhd menerusi penerbitan bon untuk tujuan pemulihan ekonomi, terhalang apabila Moody's dan S&P menurunkan gred penarafan kedaulatan negara.

Beberapa sehari sebelum itu, Malaysia mengumumkan bahawa ia akan menghantar misi ke luar negara seperti Eropah dan Amerika bagi mendapat dana termasuk menerbit bon tetapi agensi penarafan yang berpangkalan di

New York itu tiba-tiba muncul dengan kenyataan menurunkan penarafan. Misi itu terpaksa dibatalkan.

Ketika itu, kerajaan bercadang mengumpul RM53 bilion (RM201 bilion) dan terpaksa mengguna instrumen lain dan sebahagiannya diperolehi melalui sumber domestik. Sehingga kini, negara belum mendapat pinjaman baru dari Amerika Syarikat dan Eropah, dan terpaksa mengharap pakej bantuan Jepun yang mula masuk.

Sebahagian keperluan itu diperolehi melalui pemindahan akaun ringgit luar pesisir ke negara ini berikutan ringgit sudah tidak sah lagi diperlakukan di luar Malaysia selain pengurangan Rizab keperluan Berkanun (SRR) sektor perbankan bagi membekal dana dalam sistem.

Sebenarnya, fungsi asal agensi ini ialah membuat penarafan apabila diminta berbuat demikian dan tugas itu dibayar dengan sewajarnya. Misalnya, jika ada yang ingin membeli sesebuah syarikat, maka khidmat agensi penarafan digunakan bagi menilai sama ada pembelian itu berbaloi atau tidak. Tetapi kini, tanpa sebarang bayaran daripada mana-mana pihak, mereka sewenang-wenangnya menurunkan penarafan.

Sebut saja negara di Asia yang dilanda masalah ekonomi yang penarafannya tidak diturunkan oleh agensi terbabit, semuanya ada termasuk Jepun, Korea, Hong Kong, Thailand, Filipina, Indonesia apatah lagi Malaysia. Apakah ada kuasa besar membayar mereka berbuat demikian atau pemegang utama sahamnya di kalangan bank yang dikuasai kapitalis Barat?

Dalam beberapa kes, mereka muncul dengan penarafan yang tidak diminta. Seringkali penarafan itu adalah rendah dan menyebabkan negara tidak berupaya mendapatkan pembiayaan pada kadar faedah berpatutan.

Malah kita sukar mengetahui dengan jelas apakah mekanisme sebenar mereka gunakan untuk menurunkan penarafan. Mereka juga langsung tidak memberitahu lebih awal apakah kesilapan besar syarikat, bank atau negara itu supaya pembetulan boleh dilakukan...tetapi kerap kali dengan tiba-tiba mengeluarkan kenyataan penurunan penarafan. Mereka menganjurkan ketelusan tetapi ia sendiri tidak telus dan pertanggungjawaban.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mendesak supaya agensi itu dikawal selia dan fungsinya dikaji. Pandangan itu diiktiraf oleh pemimpin 21 negara anggota Apec. Dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang dikeluarkan setelah Sidang Kemuncak Apec November lalu, pemimpinnya menggesa supaya agensi penarafan untuk mengkaji semula amalan untuk memperkenalkan kecekapan yang lebih baik dan menyumbang kepada aliran modal yang mampan.

Dalam deklarasi itu, pemimpin Apec melahirkan kebimbangan terhadap prestasi agensi penarafan kredit antarabangsa kebelakangan ini. Ini bermakna, pandangan Malaysia terhadap ketidakadilan penarafan oleh agensi itu menerima sokongan antarabangsa.

Tindakan menurunkan penarafan itu boleh memberi kesan negatif berpanjangan. Misalnya, bank yang penarafannya diturunkan kemungkinan besar tidak dibenar membuat pembiayaan di pasaran terutama hutang sekuriti swasta (PDS) jika penarafannya turun di bawah kadar pelaburan. Belum ada bank tempatan mengalami nasib seumpama itu tetapi RHB Bank nyaris terjerumus apabila Moody's menurunkan penarafannya kepada E-Plus, Mei lalu iaitu kategori penarafan terendah untuk sektor perbankan berdasarkan klasifikasi agensi itu.

Moody's lantas berbuat demikian apabila ia mengaitkan pembelian Sime Bank yang bermasalah oleh RHB Bank. Memang RHB Bank tidak mempunyai aliran tunai mencukupi untuk menyuntik dana ke dalam Sime Bank tetapi ketika itu semua urusan jual beli belum selesai dan RHB masih boleh mengambil pilihan lain termasuk membawa pihak ketiga untuk membeli bank itu, apabila Moody's bertindak terlalu awal.

(END)

